

Kertas Bil. 5/2025



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI
SELANGOR (KUSEL)**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68B Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kelima Belas Tahun 2025 pada 18 hingga 21 Februari 2025, 24 hingga 28 Februari 2025 dan 3 Mac 2025.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Pada mesyuarat JP-PBT Bil. 2/2024, Jawatankuasa telah bersetuju untuk meneliti beberapa isu berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) antara isu yang dibincangkan adalah penyelarasan komunikasi antara PBT dan pihak agensi/ syarikat utiliti yang melaksanakan kerja-kerja berkaitan penurapan jalan. Jawatankuasa telah bersetuju untuk menyediakan penyata berkenaan penyelarasan komunikasi di antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan syarikat-syarikat utiliti yang melaksanakan kerja-kerja berkaitan pengorekan, penurapan, dan penampalan jalan untuk dibentangkan di persidangan Dewan pada bulan Februari 2025.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

2.2. Tiga (3) pendengaran tertutup / mesyuarat telah diadakan melibatkan beberapa PBT dan agensi / syarikat utiliti. Berikut adalah kronologi mesyuarat / pendengaran tertutup serta maklumat agensi / syarikat / PBT yang terlibat:

TARIKH	PERKARA	AGENSI
14 Ogos 2024 (Bil. 3/2024)	Pendengaran Tertutup Berhubung Isu Kerja-Kerja Pengorekan , Penurapan dan Penampilan Jalan oleh Pihak Utiliti	Koridor Utiliti Selangor (KUSEL) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Telekom Malaysia (TM)
28 Ogos 2024 (Bil. 4/2024)	Pendengaran Tertutup Berhubung Isu Kerja-Kerja Pengorekan , Penurapan dan Penampilan Jalan oleh Pihak Utiliti	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Jabatan Kerja Raya (JKR)
17 September 2024 (Bil. 5/2024)	Pendengaran Tertutup Berhubung Isu Kerja-Kerja Pengorekan , Penurapan dan Penampilan Jalan oleh Pihak Utiliti	Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) Tenaga Nasional Berhad (TNB) Air Selangor

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

2.3. Ahli-ahli yang terlibat adalah:

- i. Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri
(ADN Kawasan Pelabuhan Klang)
- ii. Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku)
- iii. Y.B. Tuan Lwi Kian Keong
(ADN Kawasan Sungai Pelek)
- iv. Y.B. Tuan Syed Ahmad bin Abdul Rahman Alhadad
(ADN Kawasan Lembah Jaya)
- v. Y.B. Tuan Wan Dzahanurin bin Ahmad
(ADN Kawasan Sungai Kandis)
- vi. Y.B. Datuk Seri Jamil bin Salleh
(ADN Kawasan Dengkil)
- vii. Y.B. Tuan Muhammad Muhammin Harith bin Abdullah Sani
(ADN Kawasan Batang Kali)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

3. KETERANGAN

Dalam mesyuarat JP-PBT Bil. 3/2024 pada 14 Ogos 2024

3.1. PENDENGARAN TERTUTUP OLEH KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

3.1.1. Koridor Utiliti Selangor ditubuhkan pada 18 Disember 2020 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Jun 2022. KUSEL berperanan sebagai agensi pusat sehenti (OSA) dan *lead coordinator* yang bertanggungjawab dalam mendapatkan kelulusan kerja-kerja pengorekan utiliti bawah tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri Selangor.

3.1.2. Tanggungjawab KUSEL adalah seperti berikut:-

- a. Menyelaras permohonan kelulusan Izin Lalu (Way Leave) dan permit.
- b. Menyelaras dan memantau pelan penyediaan dan pengalihan infrastuktur utiliti.
- c. Mewujud, mengurus dan menyelaras Pangkalan Data Utiliti.
- d. Merancang dan menyediakan kemudahan infrastruktur utiliti gunasama.

3.1.3. Pihak KUSEL menerangkan bahawa mereka telah diberikan tanggungjawab oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk mewujudkan data pemetaan utiliti melalui *Utility Detection Mapping* (UDM) kerana sebelum ini tidak ada data pemetaan UDM yang bersepada.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

3.1.4. Proses permohonan permit melalui KUSEL adalah melalui cara hibrid.

3.1.5. Bagi kerja-kerja kecemasan, pihak utiliti akan terus memohon permit kepada PBT dan bukannya melalui KUSEL. Antara syarat yang ditetapkan untuk kerja-kerja kecemasan adalah kerja tersebut perlu disiapkan dalam tempoh satu (1) hari.

3.1.6. Pihak KUSEL telah memohon Air Selangor untuk mengemukakan senarai semua jalan yang akan terlibat dengan kerja-kerja pengorekan kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM) untuk tujuan pelarasaran kerja-kerja turapan di jalan tersebut.

3.1.7. Kualiti turapan semula selepas kerja-kerja pengorekan dilaksanakan merupakan bidang kuasa PBT. KUSEL hanya akan melaporkan kepada pihak PBT mengenai kerja-kerja yang dilaksanakan tanpa permit dan pihak PBT yang akan mengambil tindakan terhadap syarikat utiliti tersebut.

3.1.8. Pihak KUSEL telah memohon untuk menjadi sebahagian daripada ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) namun tidak mendapat maklum balas daripada PBT.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

3.2. PENDENGARAN TERTUTUP DENGAN MPAJ DAN MBPJ

3.2.1. Pihak MPAJ berpandangan bahawa dengan adanya KUSEL, proses permohonan permit mengambil masa yang lama.

3.2.2. Pihak MBPJ menyatakan bahawa KUSEL tidak mempunyai punca kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pihak utiliti dan kontraktor.

3.2.3. MPAJ dan MBPJ bersetuju bahawa kerja pemetaan utiliti secara bersepadu yang sedang dilaksanakan oleh pihak KUSEL amat berguna dan bermanfaat untuk jangka masa panjang.

3.2.4. MPAJ dan MBPJ menyatakan pemantauan kualiti turapan adalah dibawah bidang kuasa PBT dan pihak utiliti yang gagal untuk mematuhi syarat tersebut akan dikenakan tindakan.

3.2.5. MPAJ dan MBPJ menyatakan bahawa pihak Air Selangor telah membayar Wang Cagaran Berkelompok yang berjumlah RM5 Juta untuk kerja-kerja pengorekan jalan kepada Kerajaan Negeri susulan daripada keputusan dasar MMKN pada tahun 2017. Pihak PBT tidak memegang wang cagaran daripada Air Selangor.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

3.3. PENDENGARAN TERTUTUP DENGAN TELEKOM MALAYSIA (TM)

3.3.1. Pihak TM menyatakan tempoh masa untuk mendapatkan permit kerja pengorekan melalui KUSEL adalah selama 45 hari. Namun begitu, terdapat juga permohonan permit yang mengambil masa sehingga 6 bulan untuk proses kelulusan.

3.3.2. Pihak TM minta pihak KUSEL menyediakan data pemetaan UDM dengan lebih pantas.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

Dalam mesyuarat JP-PBT Bil. 4/2024 pada 28 Ogos 2024

3.4. PENDENGARAN TERTUTUP BERHUBUNG DENGAN PROSEDUR PERMOHONAN SYARIKAT UTILITI KEPADA JKR

3.4.1. Pihak JKR memaklumkan terdapat dua (2) proses yang perlu dipatuhi oleh syarikat utiliti untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan di jalan JKR:

1. Permohonan izin lalu untuk menjalankan kerja ukur. Kelulusan izin lalu sah untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja.
2. Permohonan kelulusan permit sebelum kerja-kerja pengorekan dilaksanakan.

3.4.2. Pada tahun 2022, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), telah meluluskan Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti dan Penggalian Jalan Negeri Selangor.

3.4.3. Selaras dengan **Seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]**, mana-mana pihak yang tidak mengikuti syarat yang ditetapkan di dalam permit hendaklah didenda. Namun, JKR memaklumkan bahawa setakat ini tidak ada mana-mana pihak utiliti yang disabitkan di bawah **Seksyen 85**. Kebiasaannya, pihak JKR akan memaklumkan sebarang pelanggaran syarat permit melalui 'Whatsapp' kepada syarikat utiliti untuk tindakan pembetulan.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

3.4.4. Sekiranya kerja-kerja pembaikan tidak dijalankan oleh syarikat utiliti, JKR akan melantik kontraktor untuk memperbaiki segera jalan tersebut dengan menggunakan wang cagaran berkelompok yang didepositkan oleh pihak utiliti kepada Kerajaan Negeri.

3.4.5. Pihak JKR memaklumkan hanya KUSEL yang mengenakan caj perkhidmatan (kerja-kerja pemetaan UDM dan Pelan Pengurusan Trafik (TMP)) kepada syarikat utiliti. Pihak JKR tidak mengenakan sebarang caj.

3.5. PENDENGARAN TERTUTUP DENGAN MBPJ

3.5.1. MBPJ dijemput sekali lagi untuk mendapatkan maklumat susulan selepas pendengaran bersama dengan JP-ABAS yang mendapati bahawa terdapat kelewatian pengeluaran permit oleh pihak MBPJ. Pihak MBPJ menjelaskan bahawa punca kelewatian adalah disebabkan oleh pihak utiliti yang tidak mengemukakan dokumen yang lengkap semasa permohonan dibuat.

3.5.2. Sebanyak sepuluh (10) saman telah dikeluarkan oleh MBPJ terhadap syarikat utiliti yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.

3.5.3. Pihak MBPJ menjelaskan bahawa kawasan MBPJ padat dan mereka tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

3.5.4. Terdapat banyak aduan mengenai kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Air Selangor. Air Selangor tidak membayar cagaran kepada pihak PBT sebaliknya terus dibayar kepada Kerajaan Negeri. Justeru, pihak MBPJ mencadangkan agar Air Selangor membayar cagaran kepada pihak PBT juga agar MBPJ dapat membuat pembaikan jalan dengan kadar segera menggunakan wang cagaran tersebut.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)

Dalam mesyuarat JP-PBT Bil. 5/2024 pada 17 September 2024

3.6. PENDENGARAN TERTUTUP DENGAN INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD (IWK)

3.6.1. IWK telah menerangkan tatacara pengendalian piawai permohonan kerja terancang kepada PBT/KUSEL. Bagi kerja-kerja kecemasan, pihak utiliti tidak akan memohon permit melalui KUSEL sebaliknya terus memohon permit kepada PBT. Sekurang-kurangnya terdapat satu (1) aduan kes kecemasan yang berlaku di negeri Selangor dalam setiap minggu.

3.6.2. IWK mencadangkan perlunya ada koordinasi dengan semua pihak supaya IWK dimaklumkan mengenai turapan jalan yang akan dibuat bagi membolehkan IWK menaikkan aras lurang pembetungan (*manhole*).

3.6.3. IWK mendapati bahawa data pemetaan (UDM) KUSEL tidak tepat kerana mereka pernah berhadapan kes dimana berlaku pertembungan dengan paip IWK dengan syarikat utiliti lain kerana syarikat utiliti tersebut mengikut Pelan Pemetaan Utiliti Bawah Tanah (*Underground Detection Mapping - UDM*) yang dibuat oleh KUSEL.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

3.6.4. Pandangan IWK terhadap peranan KUSEL dan permasalahan yang dihadapi:-

3.6.4.1. Tempoh masa proses permohonan yang lama.

Piawaian yang tidak bersesuaian dengan keadaan tapak seperti kos TMP yang tinggi bagi jalan kampung.

3.6.4.2. Pemantauan oleh pihak KUSEL tidak dilaksanakan secara konsisten.

3.6.4.3. Maklumat pemetaan yang disediakan oleh KUSEL tidak lengkap menyebabkan pihak IWK terpaksa menanggung kos tambahan untuk membuat pemetaan baru.

3.6.4.4. Ketersediaan perkakasan seperti penghadang jalan tidak mencukupi, kualiti perkakasan juga tidak sesuai dengan kerja yang akan dilaksanakan. Sebagai contoh hanya penghadang plastik disewakan oleh KUSEL untuk tujuan TMP di kawasan bertrafik tinggi, sedangkan kawasan bertrafik tinggi memerlukan penghadang konkrit.

3.6.4.5. Kadar sewaan perkakasan yang tinggi bagi projek jangka masa panjang. KUSEL tidak akan pulangkan deposit

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

sekiranya peralatan terdapat kerosakan walaupun kerosakan yang minima.

3.7. PENDENGARAN TERTUTUP DENGAN TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

3.7.1. Pihak TNB mencadangkan KUSEL dimasukkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) kerana sesuai dengan peranan dan tanggungjawab mereka.

3.7.2. Pandangan TNB terhadap peranan KUSEL:-

- a. Kuasa KUSEL: KUSEL tidak mempunyai kuasa memberi kelulusan izin lalu dan permit, kerana KUSEL bukan Pihak Berkuasa Melulus (PBM).
- b. TNB minta KUSEL mempercepatkan proses kelulusan permit daripada PBM.
- c. Pihak TNB menyatakan tiada beza dari segi tempoh masa kelulusan permit yang dapat dilihat selepas KUSEL ditubuhkan. Pihak TNB tidak dapat melaksanakan projek bekalan dan naik taraf sistem mengikut sasaran tarikh yang ditetapkan. Justeru, berlaku kelewatan dalam pemberian bekalan dan gangguan bekalan elektrik yang semakin tinggi.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

- d. TNB minta pihak KUSEL untuk mempertimbangkan pengecualian kos penyewaan perkakasan Pengurusan Trafik (TMP) memandangkan pihak kontraktor TNB juga telah mempunyai set perkakasan sedia ada. TNB mohon Caj TMP dikecualikan memandangkan penyelia utiliti di negeri lain tidak mengenakan caj tersebut.

- e. TNB juga mohon pihak KUSEL untuk mempercepatkan penyediaan Pelan UDM, TMP dan Pelan Ukur Kejuruteraan (*Topographical Plan*).

3.8. PENDENGARAN TERTUTUP DENGAN AIR SELANGOR

3.8.1. Pihak Air Selangor memaklumkan yang mereka telah membayar Wang Cagaran Berkelompok berjumlah RM5 juta. Wang cagaran berkelompok ini dikenakan berdasarkan kepada keputusan dasar Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor yang telah dimaklumkan melalui surat Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bertarikh 1 Ogos 2006.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

3.8.2. Selain daripada wang cagaran berkelompok, Air Selangor juga perlu membuat pembayaran tambahan bagi yuran permit pengorekan mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh pihak PBT di setiap lokasi kerja.

3.8.3. Air Selangor telah mengemukakan cadangan penambahbaikan peranan KUSEL seperti berikut:

- a. Tempoh Masa kelulusan Yang Lebih Efisien: Projek penggantian paip yang sedang dilaksanakan oleh Air Selangor adalah merupakan projek yang perlu dilaksanakan dengan segera bagi tujuan mengurangkan kes paip bocor dan pecah, yang seringkali menjadi punca berlakunya masalah gangguan air. Terdapat permohonan-permohonan yang mengambil masa terlalu lama untuk diluluskan. Tempoh kelulusan permohonan permit yang lama akan menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek dan juga risiko kenaikan kos projek disebabkan oleh lanjutan masa dan tuntutan '*loss & expense*' oleh pihak Kontraktor serta Perunding yang telah dilantik. Pihak Air Selangor mencadangkan agar satu *Service Level Agreement (SLA)* dapat ditetapkan dan keseluruhan tempoh kelulusan permohonan permit ini dapat dipercepatkan tidak melebihi dua (2) bulan.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

- b. Kadar caj sewaan peralatan trafik yang dikenakan adalah berjumlah RM400 (bagi 1 set) sehari bagi projek tempoh jangka masa panjang. Projek penggantian paip dan pemasangan paip baru oleh Air Selangor melibatkan banyak kawasan dan tempoh masa yang panjang. Kontraktor Air Selangor perlu menyediakan pengangkutan bagi pengambilan dan penghantaran peralatan trafik serta masih perlu menyediakan sendiri tenaga kerja bagi pengurusan trafik di tapak. Kontraktor juga perlu membayar kos ganti rugi, bayaran tuntutan, belanja ganti rosak, tanggungan, kerugian dan lain-lain kos kepada KUSEL berdasarkan kepada tahap kerosakan / kehilangan peralatan tersebut pada kadar yang tinggi berbanding harga pasaran. Pihak Air Selangor mencadangkan supaya kadar caj sewaan peralatan kawalan trafik ini dapat disemak semula memandangkan projek penggantian paip air melibatkan tempoh pembinaan yang panjang dan melibatkan banyak kawasan. Kos penyewaan peralatan trafik yang amat tinggi ini telah meningkatkan kos keseluruhan projek.
- c. Penyediaan Pelan Ukur Kejuruteraan (*Topographical Plan*) dan Pelan Pemetaan Utiliti Bawah Tanah (UDM). KUSEL akan mengenakan caj bayaran dan melantik jurukur panel untuk menyediakan pelan-pelan bagi tujuan permohonan permit kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Air Selangor mencadangkan

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

supaya penyediaan pelan-pelan ukur dan UDM ini disediakan sendiri oleh Air Selangor mengikut format seragam KUSEL bagi mempercepatkan proses rekabentuk yang secara langsung akan dapat mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan permit. Pelan-pelan ukur ini diperlukan oleh Jurutera Perunding yang dilantik oleh Air Selangor dengan cepat bagi menyediakan pelan dan profil jajaran paip.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1. Jawatankuasa mendapati bahawa KUSEL sepatutnya menjadi sebahagian daripada ahli mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di semua PBT di Negeri Selangor bagi memperkasakan peranan KUSEL.
- 4.2. Jawatankuasa juga mendapati bahawa pihak KUSEL perlu bertanggungjawab bersama-sama dengan pihak PBM untuk memantau kualiti turapan dan pembaikan jalan yang dilaksanakan oleh syarikat utiliti.
- 4.3. Jawatankuasa mendapati bahawa Pihak Berkuasa Melulus (PBM) perlu membekalkan maklumat kerja-kerja kecemasan yang dilaksanakan oleh syarikat utiliti kepada pihak KUSEL agar maklumat ini dapat direkodkan dalam sistem pemetaan UDM bersepadu.
- 4.4. Jawatankuasa mendapati bahawa kos perkhidmatan pemantauan keselamatan dan penyewaan peralatan kawalan trafik (*Traffic Management Plan*) perlu dikaji semula oleh KUSEL kerana syarikat-syarikat utiliti telah memaklumkan bahawa kos TMP yang dikenakan oleh KUSEL tinggi dan menyebabkan kos projek mereka meningkat.


**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk **memperkasa peranan sedia ada Koridor Utiliti Selangor (KUSEL)** daripada pengurusan permohonan permit pengorekan kepada penglibatan dalam proses permohonan kebenaran merancang (KM) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pusat Sehenti (OSC) bagi tujuan seperti berikut:
- a. Terlibat secara langsung bagi perancangan dan penyelarasan pembangunan infrastruktur dan utiliti projek-projek pembangunan di seluruh negeri Selangor bagi memastikan pelaksanaan yang efisien dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan
 - b. Membangunkan pangkalan data utiliti yang lebih komprehensif melalui pelaksanaan penyediaan pelan *as-built* untuk jajaran koridor utiliti dan pelan bangunan dalam bentuk digital bagi disimpan secara sistematik dan bersepadu di Pusat Pangkalan Data Utiliti Negeri untuk rujukan utama kerajaan negeri, agensi pelaksana, pemaju, dan penyedia utiliti.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

5.2. Rumusan berhubung cadangan pemerkasaan peranan sedia ada KUSEL melalui penglibatan di dalam proses permohonan KM adalah seperti rajah di bawah:



5.3. Jawatankuasa menyarankan supaya KUSEL menjadi sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa Infrastruktur di semua PBT di Negeri Selangor untuk memperkasa peranan KUSEL dan supaya KUSEL cakna dengan semua isu-isu yang berbangkit yang melibatkan infrastruktur di Negeri Selangor.

5.4. Jawatankuasa menyarankan setiap Jabatan dan Agensi Teknikal yang bertanggungjawab memberi ulasan kebenaran merancang agar menggunakan serta merujuk kepada keperluan dalam **Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti dan Penggalian Jalan Negeri Selangor** yang telah dikuatkuasakan secara efektif pada 1 September 2022 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-20/2022, bagi memastikan pengurusan utiliti di Selangor

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

dilaksanakan secara bersepada dan mengelakkan sebarang isu atau masalah pada masa hadapan.

- 5.5. Jawatankuasa menyarankan pihak KUSEL menjadikan sistem Selangor Geographic Information System (SELGIS) sebagai **medium utama dalam perkongsian maklumat kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM)** bertujuan untuk memperbaiki keseluruhan proses pentadbiran/teknikal dan meningkatkan efisiensi dalam pengurusan infrastruktur negeri berdasarkan objektif-objektif berikut:
- a. Memudahkan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) **dalam mengakses data utiliti bawah tanah** yang dicerap oleh KUSEL bagi mempercepatkan pertimbangan projek infrastruktur dan utiliti serta meningkatkan kecekapan pengurusan dan perkongsian data rentas agensi;
 - b. Meningkatkan **keberkesanan komunikasi antara pihak berkuasa negeri, kerajaan tempatan, dan penyedia utiliti** melalui **perkongsian data** yang lebih cekap dan seterusnya menyokong matlamat negeri Selangor ke arah pembangunan infra digital pintar yang berperanan penting dalam memastikan kelangsungan pembangunan ekonomi serta meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat;

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

- c. Pengadaptasian *cutting-edge technology* melalui sistem SELGIS dalam melancarkan proses perancangan, pelaksanaan, dan kelulusan projek pembangunan dengan mematuhi peraturan/dasar/undang-undang sedia ada;
 - d. **Tiada implikasi kewangan** di peringkat pihak berkuasa melulus;
 - e. **Mengoptimumkan kos pembangunan keseluruhan** melalui perancangan awal penyediaan infrastruktur utiliti yang lebih efektif dan efisien; dan
 - f. Membolehkan **keputusan perancangan yang lebih tepat dan mudah** dengan adanya platform digital untuk menangani isu berkaitan utiliti bawah tanah.
- 5.6. Jawatankuasa juga menyarankan pihak KUSEL untuk **memperkuuhkan kerjasama antara agensi** untuk mewujudkan sinergi yang lebih baik dalam memastikan perancangan infrastruktur yang komprehensif dan menyeluruh sekaligus mempercepatkan proses kelulusan projek yang melibatkan utiliti di negeri Selangor.
- 5.7. Jawatankuasa menyarankan supaya Air Selangor membayar wang cagaran untuk kerja-kerja pengorekan jalan kepada setiap PBM untuk membolehkan PBM menjalankan kerja-kerja pembaikan dengan kadar segera sekiranya kerja turapan dan pembaikan Air Selangor tidak mencapai piawaian yang ditetapkan oleh PBM.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

6. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi / individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini.

Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincang dan diluluskan oleh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bil. 1/2025 pada 13 Januari 2025.

Disahkan oleh:


Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri

Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)
Dewan Negeri Selangor Kelima Belas

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuaasa Tempatan (JP-PBT):

- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri
(ADN Kawasan Pelabuhan Klang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Lwi Kian Keong
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Syed Ahmad bin Abdul Rahman Alhadad
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Wan Dzahanurin bin Ahmad
(ADN Kawasan Sungai Kandis) | Ahli |
| 6. Y.B. Datuk Seri Jamil bin Salleh
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |
| 7. Y.B. Tuan Muhammad Muhammin Harith bin Abdullah Sani
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PERANAN KORIDOR UTILITI SELANGOR
(KUSEL)**

URUS SETIA

- | | | |
|----|--|-----------------------------|
| 1) | Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| 2) | Encik Ahmad Fuad Hilmi bin Muhamad | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| 3) | Puan Siti Salina binti Muftar | Setiausaha Pejabat (Dewan) |
| 4) | Encik Ahmad Faiz Bin Mustafa Amirrudin | Pegawai Penyelidik Kanan |
| 5) | Cik Sarmila A/P A.Viseinthiran | Penyelidik Pejabat Speaker |